

SYARAT KELAYAKAN DAN HAD UMUR PESERTA

1. Murid-murid yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas 1997 di sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia **LAYAK** menyertai kejohanan anjuran Bahagian Pendidikan Khas.
2. Ketetapan peserta-peserta bagi Festival Nasyid Pendidikan Khas peringkat kebangsaan adalah seperti berikut:
 - 6.2.1 Kategori Rendah (**7 tahun – 12 tahun +2 tahun di sekolah rendah**)
 - 6.2.2 Kategori Menengah (**13 tahun – 17 tahun +2 tahun di sekolah menengah**)
3. Kiraan umur adalah dikira berdasarkan tahun kelahiran dalam tahun program itu diadakan .

Contoh :

 - a. *Lahir pada dan selepas 1994 layak menyertai kategori rendah pada pertandingan yang diadakan pada tahun 2008.*
 - b. *Lahir 1989 hingga 1993 layak menyertai kategori menengah pada pertandingan yang diadakan pada tahun 2008.*
4. Seseorang peserta hanya dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kategori sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama kecuali sesuatu ketetapan khas dilakukan.
5. Selain daripada yang disebutkan seseorang peserta **dibenarkan** menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya.
6. Setiap individu peserta hendaklah bersedia menunjukkan **kad pengenalan** atau **Kad OKU yang asal sahaja** untuk pemeriksaan oleh pihak jawatankuasa pengelola pertandingan sebelum pertandingan dijalankan. **Kegagalan menunjukkan dokumen tersebut menyebabkan individu peserta tersebut dihalang dari menyertai pertandingan. Senarai nama peserta hendaklah diperaku oleh pihak sekolah (akan merujuk kepada EMIS)**